



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

REZEKI HALAL, HIDUP BERKAT

Tarikh Dibaca:

**25 RABIULAKHIR 1447H /
17 OKTOBER 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قُلْتُمْ فَاسْتَعِذُوا بِاللهِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

REZEKI HALAL, HIDUP BERKAT

17 OKTOBER 2025 / 25 RABIULAKHIR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عِلْمِ الْغَيْبِ

وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾﴾ التوبة [105]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian dan janganlah sibuk dengan apa-apa jua perkara *lagha* yang boleh mengalihkan tumpuan daripada khutbah ini. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: **'Rezeki Halal, Hidup Berkat'**.

Sebelum kita meneruskan khutbah ini, marilah sama-sama kita menadah tangan dan menzahirkan doa buat saudara-saudara kita di bumi Palestin, khususnya di Gaza, yang kini sedang berjuang membina semula kehidupan selepas melalui detik-detik getir peperangan. Jangan biarkan mereka berseorangan menanggung derita dan kehilangan. Hurlurkanlah apa-apa jua bentuk bantuan yang termampu sama ada dengan harta, tenaga, mahupun doa yang tulus. Sesungguhnya doa yang lahir dari hati yang ikhlas mampu menjadi sinar penguat bagi mereka yang diuji oleh Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam menuntut setiap umatnya bekerja bersungguh-sungguh dan memastikan rezeki yang diperoleh datang daripada sumber yang halal. Rezeki yang halal merupakan punca ketenangan hati dan keberkatan hidup, manakala pendapatan yang diperoleh dengan cara menipu, cuai atau menyalahgunakan kuasa akan menghapuskan keberkatan dan mengundang kemurkaan Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 168:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ

إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang lagi nyata bagi kamu”.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi bahawa Abu Barzah al-Aslami meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عَلَيْهِ فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جَسَمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ

Maksudnya: “Kedua-dua kaki seorang hamba Allah tidak akan berganjak (pada hari kiamat) sehinggalah dia ditanya tentang lima perkara: tentang kehidupannya dan bagaimana dia menggunakannya, tentang ilmunya dan bagaimana dia beramal dengannya, tentang hartanya — dari mana dia memperolehnya dan ke mana dia membelanjakannya, serta tentang tubuh badannya — untuk apa dia menggunakannya hingga menjadi lemah”.

Maka, setiap daripada kita hendaklah berhati-hati dalam mencari rezeki. Biarlah sedikit tetapi halal, daripada banyak tetapi mengundang dosa dan kemurkaan Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita menanam tekad dan keazaman yang kukuh dalam diri untuk berkhidmat dengan penuh kejujuran dan dedikasi demi masa depan negara yang sejahtera. Setiap

pekerjaan yang kita lakukan baik bekerja di sektor awam, swasta, mahupun bekerja sendiri bukan sekadar tuntutan dunia, tetapi merupakan amanah yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT kelak. Ingatlah bahawa Allah SWT sentiasa melihat segala amal perbuatan kita. Allah SWT berfirman dalam Surah at-Taubah ayat 105 yang dibaca pada permulaan khutbah tadi bermaksud:

“Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”.

Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina A'isyah *radhiallahuanha* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah ‘Azza Wa Jalla kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan ia dibuat secara tekun”. (Hadis riwayat Imam at-Tabarani)

Maka, bekerjalah dengan hati yang ikhlas, bukan kerana gaji semata-mata, tetapi kerana amanah. Apabila setiap orang menunaikan tanggungjawab dengan jujur dan penuh dedikasi, negara akan makmur dan masyarakat akan hidup dalam keberkatan.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam kesibukan mencari rezeki yang halal, janganlah kita lalai terhadap kebajikan dan didikan keluarga. Anak-anak adalah amanah besar daripada Allah SWT yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam Surah at-Tahrim ayat 6:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka

itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.

Penekanan terhadap aspek ilmu agama, nilai dan moral mesti diperkasakan kerana inilah asas sebenar pembentukan insan berakhlak. Paling utama ialah penekanan terhadap ibadah solat fardhu kerana itulah benteng sahsiah yang dijamin oleh Allah SWT. Dalam suasana hari ini, pelbagai isu sosial yang melanda terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Kita harus mengakui bahawa ia semakin membimbangkan. Dari ketagihan gajet yang melampau, pengaruh budaya hedonisme dan penularan bahan pornografi menjadi antara punca utama keruntuhan akhlak.

Tanpa bimbingan agama yang kukuh dan pengawasan rapi daripada ibu bapa serta pendidik, anak-anak akan mudah terperangkap dalam gejala tidak bermoral yang merosakkan jiwa dan masa depan mereka. Oleh itu, langkah tegas dan bersepadu perlu dilaksanakan segera. Bukan sekadar kempen sementara, tetapi usaha berterusan membina benteng iman, memperkukuh nilai, dan membentuk akhlak yang selari dengan tuntutan Islam.

Oleh itu, marilah kita semua sentiasa mengambil perhatian serius untuk berganding bahu memelihara generasi hari ini daripada kegelapan moral dan kekosongan jiwa. Sesungguhnya masyarakat yang beriman, berakhlak dan saling prihatin merupakan benteng sebenar kepada kesejahteraan keluarga, ummah dan negara.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Justeru mengakhiri khutbah hari ini, saya tinggalkan beberapa pesanan untuk diingati bersama;

Pertama: Bekerjalah dengan jujur dan ikhlas dalam mencari rezeki, kerana setiap harta yang kita peroleh akan dipersoal di hadapan Allah. Ingatlah bahawa yang halal itu membawa keberkatan dan ketenangan, manakala yang kotor dan haram itu walau melimpah sekalipun hanya menjadi racun yang mengundang murka dan azab-Nya.

Kedua: Dalam kesibukan mencari rezeki, jangan sampai kita kehilangan jiwa keluarga kerana anak-anak itu amanah yang turut akan menjadi saksi di hadapan Allah. Didiklah

mereka dengan iman dan kasih sayang, sebelum dunia yang keras mendidik mereka tanpa pegangan iman.

Ketiga: Hanya dengan kekuatan iman, solat dan ilmu agama di samping pengawasan yang berterusan, generasi muda dapat diselamatkan daripada gelombang ketagihan gajet, hedonisme dan pornografi yang kian meruntuhkan akhlak dan jiwa.

Untuk akhirnya, perbanyakkan doa yang diajar oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam Surah al-Furqan ayat 74:

﴿وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا﴾

Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan kami! Berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertakwa”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٩٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اَكْخُوعْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ ثَرْمَالِيسُورِي اَكْخُوعْ، رَاجِ زَارِثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Gaza, Palestin. Berilah kekuatan buat mereka yang kini sedang membina semula sisa kehidupan mereka dari runtuhan dan debu peperangan. Ya Allah, Engkaulah sebaik-baik Pelindung! Pulihkanlah bumi mereka yang hancur, sembuhkanlah mereka yang terluka, dan gantikanlah setiap titisan air mata mereka dengan senyuman yang Engkau redhai.

Ya Allah, Tuhan yang Maha Menguatkan! Tabahkanlah hati kami dalam menempuh gelombang ujian dunia yang kian mencabar ini. Jangan biarkan kami goyah ketika diuji dan jangan Kau palingkan hati kami setelah Kau beri petunjuk. Jadikanlah kami serta zuriat keturunan kami antara hamba-hamba-Mu yang tetap mendirikan solat dan berakhlak mulia. Lindungilah kami, wahai Tuhan Yang Maha Penyayang, daripada kemurkaan-Mu dan segala bala bencana baik wabak penyakit yang berbahaya, kemarau yang memeritkan, banjir yang memusnahkan, gempa yang menggoncang, serta angin yang membinasakan. Peliharalah kami daripada kesesatan, kejahilan dan segala kejahatan, sama ada yang tampak mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiadalah daya dan kekuatan bagi kami melainkan dengan pertolongan dan rahmat-Mu jua, Engkaulah sebaik-baik pelindung dan seagung-agung penolong.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظِمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.